

# Islam dan Umat Islam

## Tabligh dan Cara Menyampaikannya

(Diterjemahkan oleh Abdullah Basmeh)

Islam telah sampai kepada kita dengan rukun-rukunnya yang lima dan kitab sucinya al-Qur'ān al-Karīm serta hadith-hadith junjungan kita *ṣallā Allāhu 'alayhi wa sallam*.

Islam tersiar di merata-rata dunia dengan mendapat sepenuh-penuh kejayaan.

Jika diteliti, sebab-sebab kejayaannya ialah seperti berikut:

1. Rasul *Allāh ṣallā Allāhu 'alayhi wa sallam* telah mendidik sahabat-sahabatnya bahawa tiap-tiap seorang muslim yang memeluk agama Islam wajib atasnya menjadi seseorang mubaligh yang mengembangkan ajaran Islam. Tiap-tiap seseorang muslim dikehendaki bersedia menanggung segala tekanan dan merempuh segala kesukaran yang menghalanginya.

2. Menjalankan tabligh untuk menegakkan agama Allah dengan tutur kata dan amal perbuatan. Barang siapa yang hanya baik dan manis tutur katanya tetapi jahat dan buruk amal perbuatannya, maka ia bukanlah seorang mubaligh (penyeru Islam). Hal ini telah dijelaskan di dalam al-Qur'ān al-Karīm:

*“wa min 'aḥsanu qawlan mimman da'ā ilā Allāh wa 'amala ṣāliḥān wa qāla inannī min al-muslimīn”*

Ertinya: “dan siapakah lagi yang lebih baik tutur katanya dari seseorang yang menyeru kepada Allah dan beramal salih lalu berkata: sesungguhnya aku ialah daripada orang-orang Islam (yang menjunjung perintah).”

Firman-Nya yang menyebut: “dan beramal salih “ sesudah “menyeru kepada Allah” adalah jelas tentang sifat seseorang mubaligh itu.

### Pembaharuan

3. Hendaklah mengadakan pembaharuan yang sempurna untuk seruan Islam dan bersungguh-sungguh menyampaikannya kepada orang ramai serta menggunakan segala peluang yang terbuka.

Amaran terhadap mereka yang mencuaikan tugas ini telah dijelaskan oleh Allah *'Azza wa Jalla*:

*“Qul 'in kāna 'abā'ūkum wa 'abna'ūkum wa ikhwāukum wa 'azwājukum wa 'ashīratukum wa 'amwālin 'iqtaraftumūhā wa tijāratin takhshawna kasādihā wa masākin tarḍawnuhā 'aḥabba 'ilaykum min Allāh warasūlihi wa jihādin fī sabīlihi fatarabbaṣū ḥattā ya 'tī Allāh bi 'amrihi, wa Allāh lā yahdī al-qawma al-fāsiqīn.”*

Ertinya: “Jika bapa-bapa kamu dan saudara-saudara kamu dan isteri-isteri kamu dan kaum keluarga kamu dan

harta benda yang kamu dapati dan perniagaan yang kamu takut jatuhnya dan tempat-tempat tinggal yang kamu sukai itu.

Lebih kamu kasihi daripada Allah dan Rasul-Nya, dan daripada berjihad pada jalannya, maka tunggulah, hingga Allah datangkan balasannya (siksanya). Kerana Allah tidak akan memberi petunjuk kepada kaum yang fasiq.”

4. Mengurangkan kesenangan hidup, dan menjauhi banyak dari keinginannya. Kerana menjauhi yang demikian akan memberikan kekuatan kepada seseorang mubaligh yang tidak dapat dicapai oleh orang-orang yang tenggelam di dalam kemewahan.

#### **Mengupas Berterus terang**


5. Mubaligh-mubaligh Islam dahulu menghebahkan ilmu pengetahuan mereka dengan tidak menyembunyikannya, semata-mata kerana Allah. Mereka tidak menunggu pemberian orang atau pujian dan penghormatan orang.

Sa ‘id bin al-Musib, (seorang alim yang kenamaan dari kalangan tabi’in), pernah ditanya “dengan apa tuan mencapai kedudukan yang tinggi?”

Jawabnya: “kerana orang ramai berhajat kepada alim kami, dan kami tidak berhajat kepada dunia mereka!”

6. Jangan gentar. Kerana perkataan yang benar itu lebih besar daripada siapa sahaja walau bagaimana besar dan kuasa orang itu.

Ubadah bin al-Şamit pernah masuk mengadap al-Maqwas (raja mesir) yang sedang bersemayam dengan segala kebesarannya dan dikelilingi oleh tentera-tenteranya. al-Maqwas berasa gerun kepada (Ubadah) yang hanya berpakaian sederhana lalu berkata kepadanya:



Suatu pemandangan di masjid Rasulullah  $\text{şall}\bar{\text{a}}\text{ll}\bar{\text{a}}\text{h}\text{u}'\text{alayhi wa sallam}$  Di Madinah al-Munawwarrah. Dari bandar Madinah inilah Baginda menghantarkan sahabat-sahabatnya menjadi mubaligh-mubaligh Islam, menyarankan di mana sahaja mereka berada.

\* \* \*

“Berkatalah dengan lemah lembut kerana aku berasa gerun kepadamu dan kepada warna kulitmu yang hitam legam.”

Sebabnya ialah Ubadah bin al-Şamit tidak berasa gentar kepada raja Mesir ketika menyerunya supaya memeluk Islam.

7. Faham dan mengetahui akan ketinggian tugas yang ditanggung oleh seorang mubaligh. Dengan itu

ia akan bersungguh-sungguh menyebarkan agama Allah di mana sahaja ia berada.

Selain daripada itu berpeganglah kepada dasar menyampaikan tabligh yang ditetapkan oleh Allah di dalam al-Qur'ān al-Karīm

*“ud'u ilā sabīli rabbika bi al-ḥikmah wa al-maw'izati*

*al-ḥasanati wajadilhum bi al-latī hiya 'aḥsan.”*

Ertinya: “Serukanlah kepada jalan Tuhanmu dengan kebijaksanaan dan pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka dengan cara yang sebaik-baiknya.”

Seruan Islam pada hari ini sedang menghadapi berbagai-bagai rintangan, lebih daripada yang telah dihadapinya pada masa permulaannya dahulu:

Ia sedang menghadapi jahiliyah fikiran dan kekosongan hati.

Ia sedang menghadapi kekejaman yang memegang kuasa.

Ia sedang menghadapi orang ramai yang lalai, dan golongan yang unggul dan takbur.

Ia sedang menghadapi rempuhan dari jauh dan dari Makkah. Rempuhan dari orang-orang yang tidak percayakan Tuhan, tenaga-tenaga yang meruntuhkan yang tersusun rapi, dan kebudayaan-kebudayaan liar yang menyeludup.

Ia sedang menghadapi senjata nuklear, dan senjata fikiran yang lebih dasyhat dari senjata nuklear.

Ia sedang menghadapi golongan menapak dari barisan-barisan yang mengaku beriman, golongan munafik yang pandai menggunakan kata-kata yang menarik, untuk membina kedudukan mereka yang berdasarkan kebendaan dengan tidak memikirkan kepentingan dan kebaikan seruan Islam, dari jauh atau dari dekat.

\* \* \*

## Mubaligh-mubaligh Islam Yang Tulen

Adakah kita mempunyai sejumlah besar mubaligh-mubaligh Islam, yang sebenar-benarnya menyeru pada jalan Allah?

Jelasnya, mubaligh-mubaligh Islam yang bersifat seperti berikut:

A) Mubaligh-mubaligh Islam yang menghadapi bulat-bulat kepada seruan Islam dan memandangnya suatu tugas suci yang mesti disampaikan dan sedia pula sabar atas segala susah payah yang dihadapi. Mereka tertuntut mengemukakan ajaran-ajaran Islam yang sebenar-benarnya yang terkandung di dalam kitab Allah dan sunnah rasul-Nya.

Ba) Mubaligh-mubaligh Islam yang mendalam pengetahuannya tentang pengajaran-pengajaran Islam yang mereka siarkan kepada orang ramai, baik yang berupa syarahan-syarahan, atau makalah-makalah yang mereka tulis atau buku-buku yang mereka siarkan.

Misalnya apabila seseorang itu, memberi syarahan tentang arak, hendaklah ia menerangkan ayat-ayat Qur'an dan hadith yang berkait dengannya, kemudian dikemukakan pula apa kata alim ulama, sesudah itu apa yang disebutkan oleh alim ulama perubahan baharu baharu tentang arak. selepas itu – dan ini yang utama – hendaklah ia mengemukakannya kepada orang ramai dengan cara yang menarik, ringkas dan mudah difaham oleh orang-orang awam.

Ta) Mubaligh-mubaligh Islam yang tidak bercita-cita mendapat pujian orang ramai.


Tha) Mubaligh-mubaligh Islam yang hidup untuk seruan Islam bukan dengannya, dan yang makan supaya kuat tenaga mereka untuk menjalankannya, bukan sebaliknya.

Mubaligh-mubaligh Islam yang demikian sifatnya, tidak banyak dan inilah yang membimbangkannya.

Pada hal golongan-golongan yang menjadi musuh agama, amat banyak. Di antara mereka terdapat penulis-penulis yang cergas menjalankan tujuan mereka, banyak pula mendapat tempat menyebarkan tulisan-tulisan mereka yang beracun itu dalam bentuk yang indah dan berhias dengan gambar-gambar yang menarik, berbentuk makalah, cerita, buku, dan filem.

Sebaliknya kita kekurangan penulis-penulis Islam yang cergas dan buku-buku Islam yang dapat menandingi pihak lawan.

Sebenarnya orang yang dapat mengarang sebuah buku Islam yang berfaedah, atau menghadirkan sebuah cherita Islam yang bertujuan baik, atau orang yang menjelaskan suatu hukum Islam yang dapat menghapuskan kemusykilan, atau orang yang mengamalkan suatu perkara



*Keterangan gambar: Suatu pemandangan indah dalam masjid Nabi di Madinah. Burung-burung merpati sentiasa mendapat perhatian orang-orang*

*haji yang datang dari seluruh dunia.*

yang baik yang berkesan kepada masyarakat, samalah seperti seseorang mubaligh Islam yang telah memberi syarahan yang baik kesannya dan mendalam pengaruhnya.

Oleh kerana tidak banyak mubaligh-mubaligh Islam kita, maka bagaimanakah kita dapat membantunya?

Soal ini memanglah sukar.

Mubaligh-mubaligh Islam tidak dapat dibentuk dengan kuliah-kuliah dan syarahan-syarahan. Tidak juga dapat dipungut dengan ukuran-ukuran biasa. Masalah itu lebih mendalam dan lebih besar lagi, yang sehingga hari ini masih berkehendak

kepada pemikiran yang mendalam dan penyelidikan terus menerus.

Orang yang dapat menyelesaikan masalah ini, bermakna ia telah dapat mengemukakan kepada seruan Islam dan alim Islam sebesar-besar perkara yang berfaedah.

Dasar pelajaran yang berjalan sekarang ini, harus akan dapat mengeluarkan kepada kita orang-orang yang alim dalam agama dan alim akhlak, tetapi ia tidak dapat mengeluarkan kepada kita orang-orang yang bergama (salih) dan berakhlak.

Mubaligh-mubaligh Islam berkehendak kepada suatu lingkungan masyarakat yang khas, untuk mereka dilatih di dalamnya. disitu hendaklah dimulakan hari mereka dengan azan dan sembahyang Subuh, supaya mereka dapat pengajaran bahawa sembahyang Subuh yang sangat besar ertinya itu tidak sayugia diserukan ada sedang mereka tidur lenyak<sup>1</sup>.

Disamping itu mereka diberikan Pendidikan Islam yang sebenar-benarnya dan ilmu pengetahuan yang berguna. Apakala mereka tamat pelajaran khas yang tersebut, hendaklah dibukakan kepada mereka pintu-pintu minbar dan mihrab. (sebagai lapangan tabligh). Dalam pada itu hendaklah mereka diletakkan di bawah pengawasan yang rapi dalam lapangan tata tertib dan budi pekerti yang baik sebelum melangkah kepada menyebarkan nasihat dan tabligh, iaitu budi pekerti yang baik terhadap diri sendiri dan terhadap orang ramai.

Kita memang ada banyak bakat-bakat yang baik untuk menjadi mubaligh dan penyebar Islam, asalkan mereka mendapat pimpinan.

#### BUKU2 RUMI:

##### (a) Siri Buku2 Bacaan Sekolah Rendah:

##### 1. Tunas Baru (ABC)

(Abdul Rahman H. Said) 1.50

##### 2. Tunas Baru I ... .. 1.00

(Abdul Rahman M. Said) 1.50

##### 3. Tunas Baru II,III, dan IV

##### 4. Senang Bacha I dan II

(Hassan Basri) satu 80

##### (b) Buku2 Bacaan Tambahan untuk

##### Sekolah Rendah:

5. Kuching Hitam (A.H. Edrus) .30

6. Peristiwa Hari Sabtu " .30

7. Nabi Sulaiman dengan Semut .30

8. Lutong Sakti I " .35

9. Lutong Sakti II " .35

10. Karun Dengan Harta-nya .35

11. Pekebun Yang Tama' " .35

12. Lembu Chantek " .35

13. Kisah Minangkabau " .40

14. Sutan Balun " .40

15. Puteri Balqis " .45

16. Penduduk Gua " .50

17. Sebab Harimau " 50

18. Cherita Burong Hantu " .75

19. Nakhoda Dengan Datok Perpateh .30

20. Si Buta " .30

Qalam

356 & 358, Geylang Road,

Singapore 14.

<sup>1</sup> Perkataan sebenar: nyenyak